

MERINGKASKAN
LANGKAH 3 – MENCARI ISI

Arahan: Nyatakan sama ada PENGENALAN atau DEFINISI bagi perenggan awal petikan teks berikut:

Petikan	Jawapan
1. Gajah ialah sejenis binatang yang tertua di dunia.	
2. Sepanjang bulan Ramadhan umat Islam menunaikan rukun Islam yang keempat, iaitu berpuasa.	
3. Isu-isu yang berkaitan dengan kitar semula kerap menjadi bahan perbincangan di media massa.	
4. Penyakit atau masalah sosial dalam kalangan remaja bukan sesuatu yang luar biasa dalam masyarakat hari ini.	
5. Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga seperti berenang, permainan bola sepak, tenis, lumba lari dan sebagainya.	
6. Mengantuk merupakan penyakit yang sering menyerang para pelajar ketika mengulang kaji pelajaran.	
7. <i>Waterfront</i> Bandar Seri Begawan adalah antara tarikan pelancongan yang terdapat di negara kita.	
8. Kebelakangan ini, pasar malam tumbuh bagai cendawan selepas hujan. Biasanya pasar malam diadakan di kawasan perumahan yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai.	
9. Isu-isu yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya kerap menjadi bahan perbincangan dalam media massa.	
10. Berjimat cermat merupakan amalan yang baik dan perlu dipertingkatkan dari semasa-ke semasa.	